

BERITA HARIAN, KHAMIS, 28 JANUARI, 1982

Dasar luar: Dr. M buat lawatan

KUALA LUMPUR, Rabu.— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melawat ke beberapa negara di dunia tidak lama lagi bagi mengekalkan penyertaan yang aktif dalam dasar luar negara di mata dunia.

Negara-negara keutamaan adalah negara-negara yang mempunyai kepentingan dua hala, hubungan serantau dan antarabangsa.

Menteri Hal Ehwal

Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie ketika mengumumkan demikian berkata, Wisma Putra sedang mengadakan rundingan dengan negara-negara berkenaan untuk tujuan tersebut.

Bagaimanapun, Tan Sri Ghazali, yang memulakan tugas hari ini setelah terlibat nahas kapal terbang di Kampung Janda Baik dekat Bentong baru-baru ini, tidak menyatakan negara-negara yang akan dilawati itu.

Sejak mengambilalih

tugas sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir hanya melawat negara-negara Asean kecuali Filipina.

Tan Sri Ghazali berkata, lawatan Perdana Menteri mempunyai makna yang besar terhadap dasar luar negara untuk membolehkannya mengadakan hubungan secara dekat dengan rakan-rakan seawat di dunia.

ia juga akan membolehkan negara-negara tersebut mempunyai pandangan dan persefahaman jelas mengenai dasar luar yang mungkin menimbulkan keresahan beberapa buah negara seperti British.

Sehubungan dengan ini, Menteri Luar British, Lord Carrington akan juga melawat Malaysia tidak lama lagi.

"Kebiasaannya, apabila dua pemimpin mengadakan rundingan, persefahaman yang lebih erat akan tercapai," jelas Tan Sri Ghazali ketika

menjawab soalan mengenai anggapan British terhadap dasar luar negara ini.

Bellau menjelaskan lawatan Perdana Menteri akan membawa erti besar terhadap hasrat negara mengenai keamanan dan kebebasan serta kepentingan ekonomi di mata dunia.

Dalam konteks ini, Malaysia merangka satu rancangan untuk menyebarkan kepentingan Malaysia termasuk bantuan di negara-negara tertentu.

Sebaliknya, tegas bellau, di bidang-bidang tertentu, Malaysia bukan sahaja sebagai pemberi tetapi juga boleh sebagai penerima bantuan. Bagaimanapun, Malaysia hanya bertindak atas kemampuan sendiri.

Bellau memberi contoh, dialog antara Utara-Selatan adalah di mana Malaysia boleh memainkan peranan terutama dalam mewujudkan satu keadaan ekonomi yang tersusun.